

Isi tempat kosong bagi petikan di bawah dengan jawapan yang betul.

bertanggungjawab harmoni menyiram menjaga
balik membantu kucing bantuan

Zhi Ying dan Amira tinggal berjiran. Pada suatu hari, Amira dan keluarganya terpaksa (1) _____ ke kampung kerana nenek sakit.

Amira dan keluarganya akan berada di kampung selama beberapa hari. Ayah Amira meminta (2) _____ daripada keluarga Zhi Ying supaya memantau rumah mereka.

Zhi Ying berjanji akan (3) _____ kucing kesayangan Amira semasa Amira tiada di rumah. Zhi Ying seorang yang (4) _____. Dia memastikan (5) _____ itu tidak kelaparan. Pada waktu petang, Zhi Ying (6) _____ pokok bunga di halaman rumah Amira supaya tidak layu.

Zhi Ying dan jiran-jiran suka saling (7) _____. Oleh sebab itu, kehidupan mereka sentiasa (8) _____.

terpaksa 被逼

harmoni 和谐

bertanggungjawab 负责任

berjanji 承诺

memantau 监督

meminta 要求

kelaparan 饥饿

memastikan 确定